

R B220 BAH  
PINDAH - KAMPUS

JITRA, 10 DIS (BERNAMA) -- UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) AKAN BERPINDAH DARITANJONG PAUH KE KAMPUS BARUNYA DISINTOK PADA TAHUN 1990 DAN TIDAK TAHUN DEPAN SEPERTI YANG DIJADUALKAN.

NAIB CANSOLOR UUM, TAN SRI PROF AWANG HAD SALLEH BERKATA INI KERANA PEMBINAAN FASA SATU KAMPUS TETAP ITU AKAN DIMULAKAN HANYA PADA TAHUN DEPAN.

BELIAU MEMERITAHU DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI UUM KEPADA PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MELAWAT UNIVERSITI ITU DI SINI HARI INI.

KATANYA TIGA PENGAJIAN BARU, IAITU PENGAJIAN INFORMATIK, KOMPUTER SAINS DAN MATEMATIKA AKAN DIMULAKAN DI 'KAMPUS BARU' ITU, SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA TIGA SEKOLAH DI KAMPUS TANJUNG PAUH SEKARANG.

PROF AWANG HAD BERKATA FASA SATU MENGANDUNGI BLOK PENTADBIRAN, BLOK PENGAJIAN KOMPUTER SAINS DAN PERUMAHAN PELAJAR. -- LAGI.  
2016MST 10 12 07

0133

R B221 BAH  
PINDAH - KAMPUS 2 JITRA

SEBELUM ITU, BELIAU MENJELASKAN KEPADA PERDANAMENTERI MENGENAI KEDUDUKAN PENTADBIRAN DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UNIVERSITI ITU TERUTAMA KEKURANGAN KAKITANGAN AKADEMIK.

MENGIKUT BELIAU, UUM MELAKSANAKAN SISTEM PENGAJIANNYA SECARA BERSEPADU, TIDAK BERPERINGKAT-PERINGKAT.

PROF AWANG HAD BERKATA UUM SEDANG DALAM PERINGKAT HENDAK MENUBUHKAN INSTITUT PENGAJIAN PENGURUSAN KUALITI.

SEHUBUNGAN DENGAN INI, UUM KINI MELAKSANAKAN PROJEK KLINIK USAHAWAN DAN MEMINTA BANTUAN DUA PROFESOR DARI BRITAIN DAN AMERIKA SYARIKAT UNTUK MENKAJI USAHA MEWUJUDKAN USAHAWAN KECIL DI NEGARA INI. -- BERNAMA.  
2019MST 10 12 87